

Junjung kedaulatan undang-undang bagi selesaikan isu Laut China Selatan – Najib Astro Awani
02 Jun 2014
Oleh Wan Syamsul Amly

KUALA LUMPUR: Amalan kerjasama di kalangan negara-negara Asia harus dipraktik dalam setiap aspek selain merangkumi pelbagai isu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, misi merapatkan perhubungan yang terjalin selama ini harus diperkukuh walau apa juga rintangan mendatang.

"Isu kehilangan pesawat MH370 menjadi contoh yang membuktikan kerjasama negara luar dalam mencari penyelesaian terbaik dalam apa juga isu.

"Kerjasama perlu dikekalkan dan dipertingkatkan pada semua peringkat, bukan hanya dalam isu mencari MH370 sahaja. Kita saling bergantung dalam pelbagai aspek termasuk keselamatan. Batu asas sudah diletakkan dan perlu diperkukuhkan dalam kerjasama serantau," katanya.

Najib berkata demikian semasa merasmikan dan menyampaikan ucapatama sempena persidangan Meja Bulat Asia Pasifik ke-28 anjuran Institut Strategik Antarabangsa (ISIS).

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Jelas Najib lagi, kedaulatan undang-undang perlu dijunjung tinggi dalam menyelesaikan isu berkaitan Laut China Selatan.

"Saya prihatin dan amat bimbang sekiranya langkah yang diambil pihak terbabit dalam menegaskan hak mereka, biar seberapa kecil sekalipun, akan hanya merumitkan lagi keadaan dan tidak menepati kepentingan mana-mana pihak dalam jangka panjang," ujarnya.

Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik berlangsung bermula Isnin sehingga Selasa.

Ia mencakupi perbincangan isu memahami kuasa baru dan hubungannya dengan anggota entiti, demokrasi Myanmar, Pilihan Raya Indonesia, Ekonomi India dan hubungan China-Jepun sehingga kesediaan Malaysia memikul peranan sebagai Pengerusi ASEAN pada 2015.

Antara panel sepanjang persidangan ini adalah Profesor Dr. Paul Evans dari Kanada, Profesor Dr Chen Dongxiao dari China, Profesor Dr Andrew J Nathan dari Amerika

Syarikat dan Dr Tin Maung Than dari Singapura.

Najib juga menegaskan tentang komitmen padu Malaysia terhadap Deklarasi Bersama Menteri-menteri Pertahanan ASEAN mengenai Kerjasama Pertahanan ke Arah Mewujudkan Komuniti ASEAN yang Aman dan Makmur baru-baru ini.

Dalam pada itu kata Najib, negara-negara ASEAN perlu memperhebat kerjasama bagi menangani konflik dan isu rentas negara.

Katanya, ia mampu memberi peluang kepada negara terbabit untuk saling bertukar pandangan dalam menangani dan menyelesaikan masalah secara bersama khususnya berkaitan kawalan keselamatan di negara masing-masing.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: http://www.youtube.com/watch?v=7HJXu9XJ2bY&list=PLu-ddmx-ae9qAsVUfxWMKwgaSH9t0_W5